



Rencana Utama

Oleh
SAIRUL ZAMRI MISRANI

MENCERITAKAN pengalaman kerjayanya, pelajar ijazah Sarjana Muda Pengajian Bahasa Arab dengan Kejujuran ini memberitahu sebagai peserta JOC di PSR, tugas utamanya adalah menjaga kemudahan sukan dan fasiliti pelajar.

Pada masa sama, dia juga bertindak membantu staf dalam melancarkan segala program berkaitan sukan di universiti.

Aluinya, meskipun skop kerja kadangkala memerlukan tenaga dan komitmen tinggi, dia menganggap semua itu sebagai satu pengalaman berharga dan amat bermakna.

"Memang penat, tetapi bila hasil usaha dibayar dengan gaji (elaun), terus rasa puas."

"Saya belajar banyak benda dan bukan sekadar kerja fizikal, tetapi pengurusan masa, tanggungjawab serta kerjasama dengan staf," katanya yang menyatakan kerjanya akan berakhir sekitar pukul 11.30 malam mengikut jadual ditetapkan.

Jika ada program sukan pula, dia akan bertugas lebih awal bermula pukul 8 pagi hingga ke malam.

Pun begitu katanya, pengurusan masa tidak pernah menjadi isu kerana jadual kelasnya ketika semester akhir ini tidaklah terlalu padat.

Baginya, penyertaannya dalam JOC benar-benar membantu menstabilkan kehidupannya sebagai pelajar.

"Program JOC sangat membantu saya dari segi kewangan dan kematangan."

"Saya belajar untuk berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada keluarga. Saya juga bangga kerana dapat menyumbang semula kepada universiti menerusi kerja kerja di PSR," katanya.

Sementara itu, seorang lagi pelajar UnisZA, Wan Mohamad Hafiz Wan Hassan, 23, menyifatkan penyertaannya dalam program JOC sebagai satu pengalaman yang sangat berbaloi dan memberi impak terhadap kehidupannya di kampus.



SITI SEDRATUL MUNTAHA melakukan kerja sambilan menjaga kemudahan sukan dan fasiliti di Pusat Sukan dan Rekreasi, UnisZA.

— KOLEKSI UNISZA

Kerja sambilan buat diri lebih bersemangat untuk belajar



NURIN AMANINA bekerja sambilan menjual burger di dalam kampus UPM.

INFO JOC & JoHAN

- Job On Campus (JOC) merupakan inisiatif peluang pekerjaan sambilan kepada pelajar UnisZA daripada golongan B40
- Diperkenalkan bermula April 2022
- Pelatih JOC menerima bayaran elaun berjumlah RM6.50 sejam dengan had maksimum sebanyak RM650 sebulan
- JoHAN atau Job Hunting and Networking merupakan sebuah aplikasi diperkenalkan UPM bertujuan memperkasa peluang pekerjaan sambilan dalam kalangan mahasiswa
- JoHAN dibangunkan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM)

Jelas anak bongsu daripada empat beradik asal Kedah ini, dia mula menyertai JOC sejak awal tahun lalu dan kini masih meneruskan kontrak sebagai pembantu sambilan di pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni (HEPA).

"Sepanjang saya bekerja di Pejabat HEPA, saya belajar banyak perkara terutama berkaitan urusan fail dan portladbin," katanya.

Jelasnya, pengalaman sebagai peserta JOC memberi kesan positif kepada dirinya sekali gus menjadikan dia lebih aktif, berdisiplin dan bersemangat untuk belajar dengan lebih rajin.

Hafiz berkongsi, waktu bekerja sangat fleksibel yang mana dia hanya bertugas ketika masa lapang dan tiada kelas.

Menerusi gaji diterima, Hafiz mampu membeli barang keperluan, peralatan pembelajaran dan menampung perbelanjaan seharian sebagai pelajar.

Akunya, dia sangat bersyukur kerana



Saya belajar untuk berdikari dan tidak terlalu bergantung kepada keluarga. Saya juga bangga kerana dapat menyumbang semula kepada universiti menerusi kerja kerja di PSR."

adanya program sedemikian membantu pelajar seperti yang datang dari keluarga sederhana.

Berlainan pula di Universiti Putra Malaysia (UPM), Serdang, Selangor apabila aplikasi inovatif dikenali sebagai Job Hunting and Networking (JoHAN) telah dilancarkan dalam usaha memperkasa peluang pekerjaan sambilan dalam kalangan mahasiswa.

JoHAN dibangunkan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (IDEC) dengan kerjasama Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM).

Bagi pelajar Bachelor Sains Pernakanan dan Kesihatan Komuniti, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan UPM, Nor Aina Mazlin Mazlan, 24, dorongan untuk bekerja sambilan datang daripada pengalamannya melihat rakanrakan mencuba peluang sama.

Pada masa sama, dia turut terinspirasi daripada bapanya yang berniaga kuih tradisional Melayu di Kelantan.

"Saya minat berniaga sejak kecil. Sebagai peminat kopi, saya mengambil peluang ini untuk mempelajari teknik membuat kopi sambil menambah wang saku dan menimba pengalaman kerja di salah sebuah outlet RainCoffee, UPM," katanya.



NOR AINA MAZLIN bekerja sambil menimba pengetahuan membuat kopi di salah satu outlet RainCoffee, UPM.

APLIKASI JoHAN dilancarkan UPM bagi memperkasa peluang bekerja sambilan dalam kalangan mahasiswa.



Menurutnya, dia bekerja antara lima hingga enam jam sehari dalam dua syif iaitu pagi atau petang dengan pendapatan sekitar RM100 sehari.

"Kebiasaannya saya memilih syif pagi supaya tidak mengganggu waktu kuliah yang kebanyakan pada sebelah petang,"

katanya yang berhasrat membuka kafe miliknya sendiri satu hari nanti.

Sementara itu, pelajar Bachelor Pendidikan Sains Pertanian, Fakulti Pendidikan Pendidikan, Nurin Amanina Mohd. Zulhaimi, 22, berkata, dia menyahut seruan UPM dan mula bekerja separuh masa



OUTLET RainCoffee antara yang sering dikunjungi warga UPM.

selepas melihat rakan sekelasnya mampu menyeimbangkan prestasi akademik dan kerja sambilan di Putra Agro.

Nurin Amanina kini menjual burger di dalam kampus pada waktu malam dan memperoleh pendapatan sekitar RM100 bergantung jumlah hari dan jam bekerja.

"Secara purata, saya mampu menjual lebih 60 biji burger setiap malam."

"Bagi saya, cabaran utama adalah saya perlu menyalakan tugas lebih awal bagi memastikan semuanya dihantar sebelum mula bekerja," katanya.

Nurin Amanina turut menggalakkan pelajar lain menceburi kerja sambilan yang fleksibel, kerana ia bukan saja memberikan pendapatan tetapi juga kemahiran berguna.